

09/03/2000

Buruh asing dikurang 100,000 setahun (HL)

Kadir Dikoh; R Magendran

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan meletakkan sasaran untuk mengurangkan kira-kira 100,000 pekerja asing di negara ini setiap tahun, terutama yang tidak mahir dan berpengetahuan rendah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, kira-kira 5,000 tenaga mahir asing yang mempunyai kebolehan luar biasa, akan diambil bagi mengukuhkan ekonomi dan pembangunan rakyat.

"Masanya tidak lama apabila kita mencapai sasaran untuk mengurangkan jumlah pekerja asing di negara ini 100,000 setahun, mengurangkan jumlah pekerja tidak mahir, berpengetahuan rendah kira-kira 95,000 setahun.

"Pada masa yang sama, kita mengukuhkan ekonomi dan membangunkan masyarakat dengan menyerapkan 5,000 warga dunia yang mempunyai bakat, kreativiti, pengetahuan, kepakaran dan rangkaian yang luar biasa serta kebolehan lain.

"Keseluruhan sumber manusia amat penting bagi pencapaian dan daya saing global negara. Bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan," katanya ketika merasmikan Persidangan Pengetahuan Global Kedua (GK II), di sini hari ini.

GK II, yang disertai kira-kira 1,200 perwakilan dari seluruh dunia bagi membincang dan menerokai kaedah merapatkan jurang luas antara 'maklumat sedia ada' dan 'maklumat tidak ada' di dunia.

Dengan memberikan tumpuan kepada isu penting mengenai akses, pemberian kuasa dan pentadbiran, GK II ialah badan perkongsian pengetahuan global yang ditubuhkan selepas Persidangan Pengetahuan untuk Pembangunan dalam Era Maklumat pertama di Toronto pada 1997.

Sambil menyatakan Malaysia bernasib baik kerana masalah pengaliran keluar tenaga mahirnya agak kecil, Dr Mahathir berkata rakyat negara ini yang mencatat kejayaan di luar negara mesti dibawa pulang ke tanah air.

"Tetapi tidak kurang pentingnya pada masa akan datang ialah kita mesti melihat ke seluruh pelosok dunia untuk mendapatkan banyak tenaga yang mempunyai bakat, kreativiti, pengetahuan dan kemahiran luar biasa serta kebolehan lain.

"Mereka mesti meliputi daripada pembuat roti kepada ahli perbankan, tukang masak kepada pakar komputer, pengurus kepada apemuzik, daripada pencipta kepada pelabur. Kita mesti mendapatkan mereka walaupun dari mana," katanya.

Sebelum kegawatan ekonomi pada 1997, ada kira-kira 1.2 pekerja asing di negara ini. Jumlah itu bagaimanapun menurun berikutan langkah kerajaan membekukan pengambilan buruh asing dan penghantaran pulang sebahagian besar mereka.

Perangkaan rasmi ketika ini menunjukkan ada 697,219 pekerja asing di negara ini merangkumi rakyat Indonesia (512,766), Bangladesh (129,004), Filipina (30,510), Pakistan (3,280), Thailand (2,885) and lain-lain (18,774).

(END)